



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## PERSEDIAAN KPDN MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT TAHUN 2024/2025

**RAUB, 14 NOVEMBER 2024** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil perhatian serius berhubung kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) berkenaan jangkaan terdapat taburan hujan yang panjang di Malaysia bermula pada bulan November 2024 dan berakhir pada bulan Mac 2025. Dalam tempoh tersebut, dijangka lima hingga tujuh episod hujan lebat akan berlaku dan beberapa episod bencana akan melanda kebanyakan negeri sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL).

Susulan informasi tersebut, KPDN telah mengeluarkan Surat Arahan Persediaan Menghadapi Musim Monsun Timur Laut Tahun 2024 Bagi Memastikan Keberadaan Barangan Keperluan pada 26 September 2024. Surat arahan tersebut dikeluarkan kepada Pejabat KPDN Negeri dan Cawangan di seluruh negara sebagai satu langkah proaktif bagi persediaan dalam menghadapi bencana banjir pada tahun ini dan memastikan barangan keperluan asas tidak terputus dan mencukupi di pasaran.

Sehubungan itu, semua jawatankuasa peringkat Kementerian, Negeri dan Cawangan diarahkan untuk bersiap siaga bagi menghadapi musim Monsun Timur Laut dengan melaksanakan tindakan seperti berikut:

- i. Mengaktifkan Pusat Kawalan Operasi Bencana melalui Pusat Arahan Penguatkuasaan (*Enforcement Command Centre*) di negeri-negeri yang terlibat;

- ii. Mengemukakan senarai premis DDR iaitu *Dedicated District Retailer* (Peruncit Terpilih Daerah) dan DDW iaitu *Dedicated District Wholeseller* (Pemborong Terpilih Daerah) sedia ada dan yang mampu membekalkan barangan keperluan asas di kawasan yang berisiko banjir;
- iii. Mempergiatkan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan ke atas semua rantai pengedaran barangan makanan sama ada di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit;
- iv. Membenarkan penambahan had simpanan barang kawalan dan barangan keperluan asas sehingga 30 peratus kepada pemborong dan peruncit terpilih di kawasan-kawasan yang berisiko banjir; dan
- v. Mengadakan libat urus bersama industri pengeluar dan pengimport barang kawalan dan keperluan asas bersama agensi-agensi kerajaan negeri yang terlibat dalam pengurusan bencana banjir ini.

Pada ketika ini, terdapat 1,369 premis yang dilantik bagi DDR dan 635 premis bagi DDW di seluruh negara. Daripada jumlah ini, bagi negeri Pahang sahaja, terdapat 210 DDR dan 97 DDW telah dilantik melibatkan 15 DDR dan 5 DDW di daerah Raub. Premis-premis yang dilantik ini berfungsi sebagai pemegang stok mini terpilih untuk membekalkan barangan keperluan asas berikutan bencana banjir yang telah berlaku di daerah ini pada beberapa hari yang lepas.

KPDN menasihati orang ramai agar bersiap sedia menghadapi musim tengkujuh tahun 2024/2025 serta sentiasa peka dengan maklumat, ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh METMalaysia. Sebagai persediaan berhadapan Monsun Timur Laut tahun ini, KPDN akan terus memantau dan memastikan premis DDR dan DDW yang telah dilantik bersedia dengan bekalan keperluan asas yang mencukupi.

**YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

###